



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
BAHAGIAN SARAAN
ARAS 5 & 6, BLOK A, BANGUNAN MKN-EMBASSY TECHZONE
NO. 3200, JALAN TEKNOKRAT 2
63000 CYBERJAYA, SEPANG
SELANGOR DARUL EHSAN
Tel. : 03-83164000
Faks. : 03-83201984/03-83201981
03-83201980/03-83201979/03-83201985
Web : <http://www.jpa.gov.my>



Ruj. Kami : JPA(S)63/57/2 Klt.8(97)
Tarikh : 8 Februari 2010

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Suruhanjaya

Kelayakan Pemberian Bantuan Sara Hidup Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Mengikuti Kursus/ Cuti Belajar Jangka Panjang

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju agar Pegawai Perkhidmatan Awam yang mengikuti kursus / cuti belajar jangka panjang adalah layak dibayar Bantuan Sara Hidup (BSH) mengikut lokasi institusi pengajiannya.

3. Bagi tujuan bayaran BSH ini, kawasan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan adalah dikategorikan di bawah **Kawasan A** iaitu dengan kadar RM300 sebagaimana diperuntukkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2007.

4. Peraturan ini berkuat kuasa mulai 1 Februari 2010.

5. Pemakaian surat edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(HAJI BASARUDDIN BIN SADALI)

Bahagian Saraan
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia